

TARIKH	10 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	19	RUANGAN	Negara

Jangan terpedaya ejen kutip bayaran kuota haji

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji mengingatkan bakal jemaah haji agar tidak terpedaya dengan mana-mana pihak atau ejen yang mengenakan bayaran tertentu bagi mendapatkan kuota haji.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail berkata, Tabung Haji tidak melantik mana-mana ejen kecu-ali agensi pelancongan atau pengelola jemaah haji yang diiklan-kan di akhbar untuk mengelola jemaah haji bagi menunaikan ibadah itu.

"Semua bakal jemaah boleh semak dengan Tabung Haji kalau ada keraguan," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Mengulas isu membabitkan sindiket melangkau giliran menunaikan haji dalam Sistem Maklumat Pengurusan Haji seperti yang dilaporkan media sebelum ini, Ismee berkata, Tabung Haji kini memperketatkan lagi sistem berkenaan.

"Bagi jemaah yang balik haji tahun lepas, sistem kita tidak akan daftar untuk lima tahun akan datang, takkan terima namanya, lima tahun kemudiannya bila dia daftar kembali, ia tak bermakna dia akan dapat pergi terus tetapi akan tunggu giliran," katanya.

Ismee berkata, kuota haji untuk tahun ini ialah seramai 27,800 jemaah.